

Manulife Shariah Income Management Fund

Peluang untuk menjana pendapatan
potensi dengan fikiran tenang

🌐 manulifeinvestment.com.my

☎ (03) 2719 9271

Portfolio sukuk dengan risiko lebih rendah

Mengapa melabur dalam Manulife Shariah Income Management Fund

Dana baharu Manulife Shariah Income Management Fund (“Dana”) ialah sebuah portfolio pelaburan sukuk jangka pendek yang berpotensi menawarkan sumber pendapatan yang konsisten kepada pelabur.

Dana ini menyediakan tahap kestabilan modal dan fleksibiliti pelaburan yang lebih tinggi menerusi pelaburan dalam instrumen pasaran wang/ akaun pelaburan Islam dan deposit Islam.

Dana ini sesuai bagi pelabur yang mahu melabur dalam portfolio pendapatan patuh Syariah yang berisiko lebih rendah.



Potensi menjana pendapatan yang stabil

- Dana menggunakan kaedah pengurusan aktif sukuk jangka pendek dan instrumen pasaran wang Islam untuk mengoptimumkan antara penjanaan pendapatan stabil dan pengekalan kecairan/fleksibiliti bagi pelabur.



Ketidakstabilan harga yang rendah

- Matlamat Dana ialah mengekalkan tempoh portfolio yang singkat untuk mengehendkan turun naik harga dan mengurangkan risiko pasaran.
- Dalam keadaan pasaran yang kurang menggalakkan, Dana ini boleh mengambil pendekatan lebih bertahan dengan lebihkan peruntukan kepada instrumen pasaran wang.



Melabur dalam portfolio sukuk berkualiti tinggi

- Malaysia akan terus memimpin pasaran kewangan Islam global, dari segi penerbitan sukuk pada 2021, menurut Moody's Investors Service¹.
- Pada 2020, jumlah penerbitan sukuk Malaysia meliputi 32 peratus daripada penerbitan sukuk global, yang mencecah US\$65.6 bilion¹.
- Dana berhasrat untuk memanfaatkan sepenuhnya kedudukan Malaysia sebagai pasaran sukuk yang terkemuka dengan kumpulan kredit dan penerbit yang kukuh untuk pelaburan.



Kecairan

- Dana mungkin sesuai digunakan sebagai kaedah pelaburan berisiko lebih rendah yang mudah ditunaikan bagi syarikat-syarikat korporat untuk menyimpan tunai lebihan dalam jangka pendek sambil memanfaatkan potensi menjana pendapatan.

¹ Sumber: <https://www.nst.com.my/business/2021/02/668311/malaysia-lead-sukuk-issuance-2021-moodys>, 23 Februari 2021. Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa kejadian tersebut akan berlaku, dan keputusannya mungkin berbeza dengan ketara daripada yang terkandung di dalam ini.

Pasukan pendapatan tetap Asia yang kukuh

Satu pasukan di lokasi yang agak besar adalah perlu untuk mengikuti perkembangan terkini pasaran kredit Asia yang pantas berkembang dan masih kurang diselidiki. Manfaatkan sumber penyelidikan kredit Manulife Investment Management yang kukuh dan meluas:



Lebih **60** profesional pendapatan tetap di Asia



Meliputi lebih **500** penerbit kredit di Asia



Menguruskan aset pendapatan tetap bernilai lebih **US\$48** bilion di Asia dan pasaran baru muncul²

Sumber: Manulife Investment Management. Data pada 30 September 2021.

² Merujuk kepada aset pendapatan tetap yang diuruskan di Asia kecuali Jepun dan pasaran baru muncul.

Maklumat penting dana

Nama dana	Manulife Shariah Income Management Fund (“Dana”)	
Pengurus dana	Manulife Investment Management (M) Berhad 200801033087 (834424-U)	
Kategori dana	Sukuk	
Mata wang asas	RM	
Kelas	Kelas A dan Kelas I	
Objektif pelaburan	Dana berusaha menghasilkan pendapatan bagi Pemegang Unit dengan melabur dalam sukuk, instrumen pasaran wang Islam, akaun pelaburan am dan deposit Islam.	
Profil pelabur	Dana ini sesuai bagi pelabur yang: <ul style="list-style-type: none">• mahu melabur dalam portfolio sukuk;• memilih pelaburan patuh Syariah; dan• melabur untuk jangka pertengahan hingga panjang.	
Dasar dan strategi pelaburan	Dana berusaha mencapai objektif pelaburannya dengan melabur dalam sukuk (contoh sukuk kerajaan dan korporat), akaun pelaburan am, instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam di Malaysia. Dana diuruskan secara aktif dan kekerapan aktiviti perdagangan bergantung kepada peluang pasaran. Dana boleh melabur dalam skim pelaburan bersama Islam yang konsisten dengan objektif pelaburan Dana.	
Penanda aras prestasi	Kadar Matang Tetap Akaun-i Pendapatan Pulangan Tetap (FRIA-i) 12 bulan CIMB Bank (boleh didapati menerusi www.cimbislamic.com.my) Nota: Penanda aras prestasi di atas digunakan hanya sebagai rujukan untuk tujuan perbandingan prestasi pelaburan. Profil risiko Dana tidak sama seperti profil risiko penanda aras prestasi ini. Maklumat penanda aras prestasi ini boleh didapati di www.manulifeinvestment.com.my .	
Harga tawaran awal	Kelas A Kelas I	RM0.5000 RM0.5000
Tempoh tawaran awal	Dua puluh satu (21) hari dari 21 Jun 2021 hingga 11 Julai 2021	
Caj jualan	Saluran pengedaran Penasihat institusi unit amanah (IUTA) Perunding unit amanah (UTC) Pengurus	Caj jualan Tiada
Yuran pengurusan tahunan	Kelas A Kelas I	Yuran pengurusan (% NAB Dana setahun) Sehingga 0.35% Sehingga 0.25%
Yuran pemegang amanah tahunan	0.05% setahun daripada NAB Dana (termasuk yuran penyimpanan tempatan, tetapi tidak termasuk yuran dan caj penyimpanan asing).	
Pelaburan awal minimum	Kelas A Kelas I	RM1,000.00 RM1,000,000.00
Pelaburan tambahan minimum	Kelas A Kelas I	RM100.00 RM500,000.00
Dasar pengagihan	Pengagihan pendapatan (jika ada) setiap tahun. Nota: Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada prospektus dana.	
Tahun kewangan berakhir	28 Februari (atau 29 Februari pada tahun lompat)	
Tempoh bertenang	Tempoh bertenang hanya diguna pakai bagi mana-mana individu yang melabur buat pertama kali dalam mana-mana dana unit amanah yang diuruskan oleh pihak Pengurus dan tidak termasuk pelabur institusi dan kakitangan Pengurus dan orang-orang yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk berurusan dalam dana unit amanah. Anda berhak, dalam masa enam (6) Hari Perniagaan dari hari borang permohonan anda diterima oleh Pengurus, untuk meminta agar pelaburan anda ditarik balik.	

Penafian:

Maklumat di atas tidak disemak oleh SC dan tertakluk kepada amaran, penafian, kelayakan atau terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus Manulife Shariah Income Management Fund bertarikh 21 Jun 2021 dan Prospektus Tambahan Pertama bertarikh 13 September 2021 dan semua Lembaran Maklumat Penting Produk masing-masing (secara bersama dinamakan “Dokumen Tawaran”), yang boleh didapati di pejabat atau laman web kami, sebelum melabur. Dokumen Tawaran telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), bagaimanapun, pendaftaran dengan SC tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengesahkan produk tersebut. Terdapat risiko yang terbabit dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Persaraan Swasta. Antara risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Pelaburan Swasta ialah risiko turun naik kadar faedah, risiko tukaran asing atau mata wang, risiko negara, risiko politik, risiko kredit, risiko ketidakpatuhan, risiko pihak yang berurusan, risiko pengurus dana sasaran, risiko kecairan dan risiko kadar faedah. Untuk maklumat lanjut tentang profil risiko semua dana, sila rujuk kepada bahagian Faktor Risiko dalam Dokumen Tawaran. Harga unit dan pengagihan pendapatan mungkin turun atau naik. Pelabur hendaklah membandingkan dan mempertimbangkan yuran, caj dan kos yang terbabit. Pelabur dinasihatkan untuk menjalankan penilaian risiko sendiri dan berunding dengan penasihat profesional jika ragu-ragu tentang tindakan yang patut diambil.



Pengurusan portfolio di hujung jari anda

Manulife iFUNDS ialah platform pelaburan dana dalam talian yang membolehkan anda menguruskan portfolio anda pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja – serba lancar.



Buka akaun dalam talian

Pantas, mudah dan tanpa kertas



Pertukaran dana

Rebut peluang pasaran dan penuhi matlamat pelaburan anda



Penyaring dana

Membantu menyaring dan memilih dana yang memenuhi kriteria anda



Harga dana

Boleh didapati setiap hari



Paparan utama portfolio

Pelaburan anda sepintas lalu



Analisis senario

Membandingkan prestasi pelbagai dana



Pelan Simpanan Berkala

Bina pelaburan anda secara beransur-ansur



Manfaatkan peluang pelaburan

Dengan tambahan pelaburan dan pertukaran dana yang lebih pantas

Dapatkan maklumat lanjut mengenai **Manulife iFUNDS**

Kunjungi laman web kami di <https://asia.manulifeam.com/ifunds-my.html>

Manulife Investment Management (M) Berhad
200801033087 (834424-U)

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan yang timbul daripada terjemahan Bahasa Malaysia brosur ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.